

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2015/2016

Disember 2015/Januari 2016

**HSM 502 – SEJARAH POLITIK MALAYSIA**

Masa : 2 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Jika calon menjawab lebih daripada TIGA soalan hanya TIGA soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

1. Pentadbir British sering menjelaskan bahawa negeri-negeri Melayu kurun ke-19 berada dalam keadaan 'feudal' dan oleh itu perlu diselamatkan oleh pihak British. Apakah yang dimaksudkan dengan istilah 'feudal' daripada kacamata pentadbir British itu dan sejauh manakah anda bersetuju dengan pandangan mereka?

[100 markah]

2. "Pembatalan rancangan Malayan Union bukanlah hasil perjuangan UMNO semata-mata tetapi lebih disebabkan oleh kesan penentangan beberapa pihak lain serta muslihat British untuk menjayakan rancangan asalnya." Bahaskan pernyataan ini.

[100 markah]

3. "Punca utama pengisytiharan Darurat oleh kerajaan British pada tahun 1948 ialah keganasan PKM. Darurat tiada kena-mengena dengan tindakan penduduk Tanah Melayu untuk memerdekakan tanah air mereka." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?

[100 markah]

4. "Penubuhan Malaysia pada 1963 adalah lebih disebabkan oleh keperluan-keperluan PAP di Singapura dan kerajaan British berbanding kepentingan Tanah Melayu dan negeri-negeri di Borneo." Nilai pernyataan ini.

[100 markah]

5. "Rusuhan 13 Mei 1969 adalah peristiwa politik yang disebabkan oleh perkara-perkara politik. Jurang ekonomi antara kaum memang wujud tetapi bukanlah punca utama menyebabkan tercetusnya rusuhan." Bahaskan pernyataan ini.

[100 markah]

6. "Pertelagahan yang berpunca daripada soal perkauman sering mengancam kestabilan politik Malaysia. Namun demikian, sistem demokrasi terus terlaksana dan rakyat Malaysia bebas mengkritik serta menyatakan sikap politik mereka secara terbuka." Nilai pernyataan ini dengan merujuk kepada perkembangan sehingga akhir 1990-an.

[100 markah]